

Yakobus

¹ Surat ini daripada Yakobus, hamba Allah dan hamba Junjungan Isa al-Masih.

Kepada dua belas suku yang tersebar di serata dunia: Sambutlah salam daripadaku.

Cubaan dan godaan

² Saudara-saudaraku, anggaplah sebagai suatu kebahagiaan apabila kamu menghadapi pelbagai cubaan, ³ kerana kamu tahu bahawa ujian terhadap imanmu menghasilkan ketabahan.

⁴ Pastikan bahawa ketabahanmu itu berterusan, sehingga kamu menjadi sempurna tanpa sebarang kekurangan pun. ⁵ Sekiranya seseorang di antaramu kurang bijaksana, dia haruslah berdoa kepada Allah supaya mengurniakan kebijaksanaan kepadanya, kerana Allah memberi dengan murah hati kepada semua orang tanpa memandang kesalahan mereka. ⁶ Akan tetapi, apabila dia memohon, dia mesti beriman sepenuhnya. Dia tidak harus ragu-ragu, kerana orang yang ragu-ragu itu umpama ombak laut yang terumbang-ambing ditiup angin. ⁷ Orang seperti itu tidak boleh berharap untuk menerima apa-apa daripada Tuhan; ⁸ pendiriannya tidak tetap dan dia sentiasa teragak-agak melakukan sesuatu;

⁹ Saudara yang hidup dalam keadaan sederhana patut bermegah dengan kedudukannya yang tinggi. ¹⁰ Orang yang kaya pula patut bermegah dengan kedudukannya yang rendah,

kerana dia boleh lenyap laksana bunga rumput.

¹¹ Sewaktu matahari meninggi, sinarnya yang panas menyebabkan bunga itu layu dan gugur lalu musnah keindahannya. Begitulah halnya dengan orang kaya yang akan lenyap ketika mengurus perniagaannya.

¹² Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya.

¹³ Sekiranya seseorang tergoda ketika menghadapi cubaan demikian, tidaklah wajar dia berkata, 'Godaan ini datang daripada Allah.' Allah tidak dapat digoda oleh kejahatan dan Allah tidak menggoda sesiapa. ¹⁴ Seseorang tergoda kerana terjerat oleh nafsu jahatnya sendiri.

¹⁵ Apabila dia menurutkan nafsu jahatnya itu, wujudlah dosa; dan dosa yang matang akan membawa kepada kematian.

¹⁶ Saudara-saudara yang kukasihi, janganlah terpedaya. ¹⁷ Segala pemberian yang baik dan sempurna diturunkan dari syurga oleh Bapa, sumber segala cahaya. Dia tidak berubah dan tidak seperti bayangan yang berubah-ubah bentuknya. ¹⁸ Dengan kehendak-Nya Dia mencipta kita melalui firman-Nya yang benar. Dengan demikian kita menjadi yang sulung antara semua makhluk-Nya.

Pendengar dan pelaku

¹⁹ Saudara-saudara yang kukasihi, sebagaimana kamu tahu, seseorang haruslah

cepat mendengar, lambat bercakap, dan lambat menjadi marah. ²⁰ Orang yang marah tidak dapat melakukan perbuatan yang benar dan diredai Allah. ²¹ Oleh itu, kikislah segala tabiat buruk dan kelakuan jahat. Kemudian terimalah firman yang disemaikan-Nya ke dalam hatimu dengan rendah hati, kerana firman itu dapat menyelamatkanmu.

²² Namun, jangan tipu dirimu dengan hanya mendengar firman; lakukanlah firman itu.

²³ Seseorang yang mendengar firman tetapi tidak melakukannya adalah ibarat orang yang berdiri di hadapan cermin, ²⁴ meneliti dirinya, kemudian pergi dari situ dan terus lupa akan rupanya. ²⁵ Namun, orang yang meneliti hukum yang sempurna, iaitu hukum yang dapat membebaskan manusia, dan melakukannya, akan diberkati dalam segala tindakannya, kerana dia tidak hanya mendengar lalu melupakannya.

²⁶ Jika seseorang menganggap dirinya taat beribadat tetapi tidak mengekang lidahnya, maka ibadatnya sia-sia dan dia menipu diri sendiri.

²⁷ Allah Bapa berfirman bahawa ibadat yang murni dan tulen ialah: menolong anak yatim piatu dan balu yang menanggung kesusahan, serta menjaga diri daripada dicemari kejahatan dunia.

2

Pilih kasih dilarang

¹ Saudara-saudaraku, sebagai orang yang beriman kepada Junjungan kita Isa al-Masih yang mulia itu, janganlah amalkan sikap pilih kasih.

² Andaikan dua orang datang ke tempat pertemuannya, yang seorang kaya, berpakaian indah, bercincin emas; yang seorang lagi miskin, berpakaian buruk. ³ Kamu menyambut orang kaya itu dengan hormat sambil berkata, 'Silakan duduk di tempat terbaik ini.' Sebaliknya, kepada orang miskin itu kamu berkata, 'Berdiri di sana' atau 'Duduk di atas lantai dekat kakiku.' ⁴ Dengan demikian, kamu membeza-bezakan orang dan menjadi hakim yang berfikiran jahat.

⁵ Ketahuilah, saudara-saudara yang kukasihi, Allah telah memilih orang miskin di dunia ini menjadi orang yang kaya dalam iman. Mereka akan menikmati kerajaan Allah sebagaimana telah dijanjikan-Nya kepada orang yang mengasihi-Nya. ⁶ Kamu menghina orang miskin, sedangkan orang kayalah yang menindasmu, menyeretmu ke mahkamah, ⁷ dan menghina nama mulia yang kamu terima daripada Tuhan.

⁸ Kamu melakukan apa yang benar jika kamu mematuhi hukum kerajaan Allah yang tersurat di dalam Kitab Suci, 'Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri.'

⁹ Sebaliknya, jika kamu memperlakukan orang berasaskan keadaan lahir, kamu berdosa, dan menurut hukum, kamu melanggar hukum.

¹⁰ Melanggar satu perintah Taurat bererti melanggar seluruh hukum, ¹¹ kerana Allah yang berfirman, 'Jangan berzina,' juga berfirman, 'Jangan membunuh.' Dengan demikian, walaupun kamu tidak berzina, namun sekiranya kamu membunuh, maka kamu telah melanggar hukum.

¹² Dalam perkataan dan tindakanmu, ingatlah bahawa kamu akan diadili berdasarkan hukum-hukum yang membebaskan manusia. ¹³ Orang yang tidak mengamalkan belas kasihan akan dihukum tanpa diberi belas kasihan, tetapi mereka yang mengamalkan belas kasihan tidak akan takut diadili.

Iman dan perbuatan

¹⁴ Saudara-saudaraku, apa gunanya seorang berkata, 'Aku beriman,' jika dia tidak membuktikan imannya melalui perbuatannya? Iman sedemikian tidak dapat menyelamatkannya.

¹⁵ Katakanlah seorang saudara lelaki atau saudara perempuan memerlukan pakaian dan kekurangan makanan. ¹⁶ Apakah gunanya kamu berkata kepadanya, 'Selamat jalan, pakailah baju panas dan makanlah secukupnya,' jika kamu tidak menghulurkan keperluan sehari-hari itu kepadanya? ¹⁷ Demikian juga dengan iman, jika tidak dinyatakan melalui perbuatan, maka sia-sialah iman itu.

¹⁸ Mungkin ada orang yang berkata, 'Kamu mempunyai iman; aku mempunyai perbuatan.' Tunjukkan kepadaku seorang yang beriman tetapi tidak mengamalkan perbuatan baik, maka dengan perbuatan baikku akan kutunjukkan bahawa aku beriman. ¹⁹ Kamu beriman kepada Allah Yang Esa. Bagus! Roh-roh iblis juga beriman demikian dan gementar ketakutan.

²⁰ Alangkah tumpul fikiranmu, mengapakah kamu memerlukan bukti bahawa iman tanpa perbuatan baik itu sia-sia sahaja? ²¹ Apakah sebabnya Allah meredai moyang kita Ibrahim?

Allah meredainya kerana perbuatannya, iaitu mempersembahkan anaknya Ishak sebagai korban kepada Allah. ²² Tidak jelaskah kepadamu bahawa Ibrahim menunjukkan imannya melalui perbuatannya? Dengan demikian, sempurnalah iman Ibrahim. ²³ Hal itu selaras dengan ayat di dalam Kitab Suci: 'Ibrahim percaya kepada Allah, maka hal itu diperhitungkan kepadanya sebagai kebenaran.' Oleh itu Ibrahim dipanggil sahabat Allah. ²⁴ Nyatalah bahawa Allah meredai seseorang itu kerana perbuatannya, bukan imannya semata-mata.

²⁵ Demikian juga dengan Rahab, wanita pelacur itu. Allah meredai Rahab kerana perbuatannya: Rahab menyambut pengintip-pengintip Israel dan membantu mereka melarikan diri melalui jalan lain. ²⁶ Tubuh tanpa roh, tubuh yang mati. Begitu jugalah, iman tanpa perbuatan, iman yang mati.

3

Mengawal lidah

¹ Saudara-saudaraku, seharusnya hanya segelintir daripadamu berusaha untuk menjadi guru. Kamu tahu bahawa kita yang menjadi guru akan diadili dengan lebih keras daripada orang lain. ² Kita semua selalu melakukan kesalahan. Sekiranya seseorang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan melalui tutur katanya, maka dia itu seorang yang sempurna. Dia dapat menguasai seluruh dirinya.

³ Kita memasang kekang pada mulut kuda supaya kuda menurut kemahuan kita. Dengan

kegang, kita dapat mengendalikan kuda. ⁴ Begitu juga dengan kapal, walaupun besar dan digerakkan oleh angin kencang, tetapi kapal hanya dikendalikan oleh kemudi yang amat kecil. Kapal bergerak ke arah yang ditentukan oleh jurumudi. ⁵ Demikianlah dengan lidah kita, walaupun kecil, namun dapat bermegah tentang hal-hal yang besar. Betapa luasnya hutan yang dapat dibakar oleh api yang amat kecil. ⁶ Lidah laksana api. Lidah kita ibarat dunia yang dikuasai kejahatan dan memenuhi seluruh diri kita dengan kejahatan. Lidah menghanguskan hidup kita dengan api dari neraka.

⁷ Manusia dapat dan sudahpun menjinakkan makhluk lain – binatang buas, burung, haiwan menjalar, dan binatang-binatang di laut. ⁸ Akan tetapi tiada sesiapaupun dapat menjinakkan lidah manusia. Lidah itu jahat, tidak dapat dikuasai, dan penuh dengan racun yang membunuh.

⁹ Kita menggunakan lidah untuk memuji Tuhan dan Bapa kita, tetapi juga untuk mengutuk sesama manusia yang telah dicipta menurut gambaran Allah. ¹⁰ Kata-kata berkat dan kata-kata kutukan lahir daripada mulut yang sama. Ini tidak sepatutnya berlaku, saudara-saudaraku. ¹¹ Dapatkah air tawar dan air masin dikeluarkan daripada mata air yang sama? ¹² Saudara-saudaraku, pokok ara tidak mungkin menghasilkan buah zaitun, manakala pokok anggur tidak mungkin mengeluarkan buah ara. Mata air yang masin tidak mungkin memancarkan air tawar.

Kebijaksanaan dari syurga

¹³ Adakah wujud di kalanganmu seorang yang bijak bestari? Sifat ini terbukti melalui kelakuan baik dan kebajikan yang diamalkan dengan rendah hati serta bijaksana. ¹⁴ Akan tetapi, sekiranya kamu bersikap hasad dengki dan mementingkan diri, janganlah bermegah dengan kebijaksanaan itu atau menafikan yang benar. ¹⁵ Kebijaksanaan demikian tidak berasal dari syurga tetapi dari dunia, tabiat manusia yang berdosa, dan roh iblis. ¹⁶ Sikap hasad dengki dan mementingkan diri akan menimbulkan kekacauan serta pelbagai kejahatan.

¹⁷ Sebaliknya, apabila seseorang memiliki kebijaksanaan yang berasal dari syurga, maka dia bersifat murni, mencintai kedamaian, lemah lembut dan ramah-tamah. Dia juga bersikap belas kasihan serta mengamalkan segala jenis perbuatan baik. Dia tidak bersikap berat sebelah dan tidak munafik atau bertalam dua muka. ¹⁸ Kebenaran adalah hasil daripada benih kedamaian yang disemaikan oleh orang yang mencintai kedamaian.

4

Tunduk kepada Allah

¹ Apakah punca segala pergaduhan dan pertengkar di kalanganmu? Puncanya ialah keinginan hawa nafsu yang sentiasa bergolak dalam dirimu. ² Kamu berhasrat akan sesuatu tetapi tidak mendapatnya, maka kamu ingin membunuh. Kamu ingin memiliki sesuatu tetapi tidak berjaya, lalu kamu bertengkar dan

bergaduh. Kamu tidak mendapat apa yang kamu ingini kerana kamu tidak memohonnya daripada Allah. ³ Kalau kamu memohonnya sekalipun, kamu tidak mendapatnya, kerana tujuanmu jahat. Kamu memintanya untuk kesenangan diri sendiri.

⁴ Kamu tidak setia. Tidakkah kamu tahu bahawa sesiapa yang bersahabat dengan dunia menjadi musuh Allah? Oleh itu, sesiapa yang mahu bersahabat dengan dunia menjadikan dirinya musuh Allah. ⁵ Atau kamu menganggap Kitab Suci mengatakan tanpa sebab bahawa Roh yang ditempatkan di dalam diri kita oleh Allah amat mengingini kita. ⁶ Walaupun demikian, kasih kurnia yang dianugerahkan oleh Allah lebih kuat, maka tersurat di dalam Kitab Suci:

‘Allah menentang orang yang angkuh
tetapi menganugerahi orang yang
rendah hati.’

⁷ Oleh yang demikian, taatlah kepada Allah. Lawanlah Iblis, maka Iblis akan lari daripadamu. ⁸ Dampingi Allah, Allah akan mendampingiimu. Basuh bersih tanganmu, wahai kamu yang berdosa. Sucikan hatimu, wahai kamu yang munafik. ⁹ Menyesallah, menangis dan merataplah kamu. Biar ketawamu menjadi tangisan, keriangannya menjadi kesedihan. ¹⁰ Rendahkan dirimu di hadapan Tuhan, maka Dia akan meninggikanmu.

¹¹ Saudara-saudaraku, janganlah fitnah-memfitnah. Sesiapa yang memfitnah atau

menghakimi saudara seimannya, maka dia memfitnah atau menghakimi hukum. Jika dia menghakimi hukum, maka dia tidak lagi mematuhi hukum. ¹² Hanya ada seorang Pemberi hukum dan Hakim. Hanya Dia yang dapat menyelamatkan atau membinasakan seseorang. Siapakah kamu maka ingin menghakimi sesama manusia?

Jangan memegahkan hari esok

¹³ Sekarang, dengarlah nasihatku, wahai kamu yang berkata, 'Hari ini atau esok kami akan bertolak ke sebuah negeri dan tinggal di situ selama setahun untuk berniaga dan mencari wang.' ¹⁴ Tetapi kamu tidak tahu apa yang akan terjadi dengan kehidupan esok. Kamu umpama wap, yang kelihatan sejurus lantas lenyap. ¹⁵ Sepatutnya kamu berkata demikian, 'Kalau diizinkan Tuhan, kami akan terus hidup dan melakukan sekian-sekian.' ¹⁶ Sebaliknya kamu angkuh dan bercakap besar. Bercakap besar demikian itu adalah salah. ¹⁷ Apabila seseorang tidak melakukan sesuatu yang baik dan sepatutnya dilakukan, maka orang itu berdosa.

5

Amaran kepada orang kaya

¹ Dengarlah nasihatku, wahai orang kaya. Menangis dan merataplah, kerana kesusahan akan menimpamu. ² Kekayaanmu akan reput dan pakaianmu dimakan gegat. ³ Emas perakmu akan berkarat, karatnya akan menjadi saksi menuduhmu dan akan menghanguskan

tubuhmu seperti api. Kamu telah mengumpulkan harta pada akhir zaman ini. ⁴ Kamu tidak membayar upah orang yang bekerja di ladangmu. Dengarlah rintihan mereka! Orang yang menuai hasil ladangmu berseru minta dibela nasibnya dan suara mereka telah sampai ke telinga Tuhan Maha Kuasa. ⁵ Hidupmu di dunia ini senang-lenang dalam kemewahan melimpah-limpah. Kamu bagaikan menggemukakan diri untuk hari penyembelihan. ⁶ Kamu menghukum dan membunuh orang yang tidak bersalah, dan mereka tidak melawanmu.

Tabah menanggung kesengsaraan

⁷ Saudara-saudaraku, bersabarlah menanti kedatangan Tuhan. Lihatlah betapa sabarnya seorang peladang menunggu tanahnya mengeluarkan hasil yang bernilai. Dengan sabar dia menanti hujan musim luruh dan hujan musim bunga. ⁸ Demikian jugalah kamu harus bersabar. Tabahkan hatimu, kerana hari kedatangan Tuhan sudah hampir tiba. ⁹ Saudara-saudaraku, janganlah bersungut-sungut, supaya kamu tidak dihukum. Hakim kian dekat dan akan segera sampai.

¹⁰ Saudara-saudaraku, ingatlah nabi-nabi yang bersabda dengan nama Tuhan. Teladanilah kesabaran dan ketabahan mereka menanggung kesengsaraan. ¹¹ Kami mengatakan mereka orang yang diberkati kerana mereka tabah menanggung kesengsaraan. Kamu telah mendengar kisah kesabaran Ayub, dan kamu tahu pada akhirnya Tuhan memberkatinya.

Tuhan amat berbelas kasih dan penuh belas kasihan.

¹² Saudara-saudaraku, ini sangat penting-janganlah bersumpah ketika mengikat janji. Jangan bersumpah demi langit, bumi atau apa-apun. Katakan 'ya' apabila maksudmu ya, dan 'tidak' apabila maksudmu tidak. Dengan demikian tidaklah kamu dihukum Allah.

Doa orang yang benar

¹³ Adakah sesiapa di kalanganmu yang sedang mengalami kesusahan? Berdoalah. Adakah sesiapa yang sedang bergembira? Nyanyikanlah lagu pujian kepada Allah. ¹⁴ Adakah sesiapa yang sakit? Panggillah para tua-tua jemaah untuk mendoakannya dan menyapukan minyak padanya dengan nama Tuhan. ¹⁵ Doa yang dilafazkan dengan iman akan menyembuhkan orang sakit itu. Tuhan akan memulihkan kesihatannya, dan dosanya akan diampunkan. ¹⁶ Oleh itu, hendaklah kamu saling mengakui kesalahan serta mendoakan satu sama lain, supaya kamu disembuhkan. Doa orang yang benar mempunyai kuasa yang hebat.

¹⁷ Ilyas seorang manusia biasa seperti kita. Dia berdoa bersungguh-sungguh supaya hujan tidak turun, maka selama tiga tahun setengah hujan tidak turun. ¹⁸ Selepas itu dia berdoa lagi, lalu langit menurunkan hujan mencurah-curah dan tanah mengeluarkan hasil.

¹⁹ Saudara-saudaraku, jika seorang di kalanganmu sesat, lalu yang lain memimpinnya kembali kepada Allah, ²⁰ ingatlah ayat ini: Sesiapa

memimpin seorang yang berdosa kembali daripada jalan yang salah, maka dia menyelamatkan roh orang yang berdosa itu daripada kematian dan menutupi banyak dosa.

Kitab Suci Zabur dan Injil
Contextualized New Testament in the Malay language
of Malaysia.

Copyright © 2013 Pengamat Kitab Mulia

Language: Bahasa Malaysia (Malay)

This translation is made available to you under the terms of the Creative Commons Attribution-No Derivatives license 4.0.

You may share and redistribute this Bible translation or extracts from it in any format, provided that:

 You include the above copyright and source information.

 You do not make any derivative works that change any of the actual words or punctuation of the Scriptures.

Pictures included with Scriptures and other documents on this site are licensed just for use with those Scriptures and documents. For other uses, please contact the respective copyright owners.

2014-04-01

PDF generated using Haiola and XeLaTeX on 11 Nov 2022 from source files dated 22 Nov 2019

648b665b-0b0d-5152-8152-17df023a0827